KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR

## 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR
# (KPDN)

## 23 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : KHAMIS
TARIKH : 23/2/2023
M/SURAT : 5

# KPDN bakal memperkenalkan Bazar Ramadan Rahmah



SALAHUDDIN (dua dari kiri) melihat Pakej Rahmah di sebuah pasar raya di Kuala Lumpur semalam. –FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

Oleh MARLIA ZAKARIA

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan mengadakan sesi libat urus bagi melaksanakan program bazar Ramadan Rahmah sempena bulan Ramadan ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, satu perbincangan tentang perkara itu akan diadakan dengan pihak pemain industri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam masa terdekat.

"Kita dah kenal pasti beberapa lokasi strategik dan mungkin ia akan diperkenalkan dengan kadar sewa paling rahmah.

"Rakyat berpeluang untuk berniaga di bulan Ramadan dan memperoleh pendapatan menjelang perayaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Pelancaran Inisiatif Payung Rahmah dan Cabaran 'Beli & Menang' RM1.1 juta di KK Mart di sini semalam.

Dalam majlis tersebut, pengurusan KK Supermart & Superstore Sdn. Bhd. memperkenalkan Inisiatif Payung Rahmah dan Cabaran 'Beli & Menang' RM1.1 juta bermula pada 1 Januari hingga 31 Mei 2023.

Salahuddin berkata, inisiatif Payung Rahmah di pasar raya itu membuktikan sokongan pihak pemain industri ke atas usaha kerajaan tersebut.

"KPDN sentiasa menyokong usaha warga industri dalam sektor peruncitan negara yang memberi ganjaran tambahan untuk dinikmati oleh rakyat.

"Usaha pengurusan KK Supermart & Superstore Sdn. Bhd. ini secara tidak langsung juga menjadi galakan kepada rakyat untuk berbelanja pada harga berpatutan," ujarnya.

# Rahmah Bazaars to offer tantalising treats during Ramadan

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** The Domestic Trade and Cost of Living Ministry is planning to have Rahmah Bazaars in strategic locations in the Klang Valley in conjunction with the upcoming Ramadan month.

Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said they would have engagements with local councils such as the Kuala Lumpur City Hall and industry players soon.

"We have identified several locations for the bazaars with reasonable rent. We will try to place these bazaars to give opportunities for people to carry out business during the fasting month.

"We hope this initiative will help bring happiness to the people. An official announcement on the matter will be made soon," he told reporters yesterday.

Earlier, Salahuddin launched the Payung Rahmah initiative and the "Buy & Win" RM1.1mil Challenge at KK Super Mart at Terminal Bersepadu Selatan here.

"The implementation of the Payung Rahmah initiative at KK Super Mart began nationwide with Jualan Rahmah, including the sale of ready-to-eat food products and frozen seafood this month.

"The Buy & Win RM1.1mil Challenge is held until May 31 for KK Super Mart Malaysian and permanent resident customers aged 18 years old and above who make a minimum purchase of RM23 at any of their 680 premises.

"Participants stand to win various prizes in the form of cash, private vehicles and electrical, electronic as well as furniture items with a total value of up to RM1.1mil," he said.

He added that Jualan Rahmah at KK Super Mart would be expanded with other initiatives from time to time such as Bakul Rahmah, Package Rahmah and Menu Rahmah.

In his speech, Salahuddin said KK Super Mart would be assisted in its expansion vision by facilitating engagement sessions with local councils to open more premises at Public Housing Projects (PPR), Housing Programme for the Poor and Hardcore Poor (PPRT) and areas with B40 groups.

He also said that since the launch of the Payung Rahmah initiative, there had been overwhelming response from many industry players, adding that fast food joints such as Burger King, McDonald's, KFC and Marrybrown had all joined the Menu Rahmah programme.

"With the addition of more players, there are more options for people to choose from. In Sarawak alone, 38 premises joined the Menu Rahmah programme," he said.

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI : KHAMIS
TARIKH : 23/2/2023
M/SURAT : 10

# Impak Menu Rahmah



Analisis Semasa

Bersama MOHAMMAD SHAHEMY AZMI

**INISIATIF** Menu Rahmah yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mendapat reaksi positif daripada rakyat.

Menu yang disajikan pada harga RM5 cukup berpatutan untuk mengisi perut orang ramai yang mungkin terpaksa mengikat perut kerana kekangan kewangan.

Melihat pada sudut positif inisiatif yang diperkenalkan itu, rakyat turut berharap agar program Menu Rahmah diperluaskan lagi terutama di kawasan luar bandar agar sama-sama mendapat manfaat.

Namun, persoalan timbul selama mana tempoh inisiatif Menu Rahmah ini akan diteruskan seandainya pengusaha makanan mengambil keputusan untuk menghentikan program tersebut atas faktor kos.

Menteri KPDN, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pihaknya tidak pernah meletakkan sebarang tempoh khusus berhubung pelaksanaan Menu Rahmah kerana perkara itu terpulang kepada peniaga sendiri.

Pakar ekonomi, Prof. Emeritus Dr. Barjoyai Bardai berkata, usaha untuk memanjangkan pelaksanaan program Menu Rahmah dapat dilakukan jika pihak pengusaha dan juga pelanggan saling bekerjasama tanpa mengharapkan sebelah pihak sahaja.

"Untuk peniaga, mereka perlu melihat inisiatif ini sebagai suatu usaha murni dalam perniagaan. Tapi kalau harapkan peniaga sahaja, ini dipanggil berat sebelah.

"Sebenarnya usaha ini juga perlu disambut oleh isi rumah (pelanggan). Bagaimana isi rumah boleh menyambutnya? Untuk yang berkemampuan, mereka boleh buat bayaran lebih jika membeli Menu Rahmah dan masukkan lebihan itu dalam '*reserve purchase*'.

"Sebagai contoh, pelanggan membeli makanan berharga RM30 dan membuat bayaran RM40. Lebihan RM10 itu boleh dimasukkan dalam akaun '*reserve purchase*' untuk pelanggan lain yang tidak berkemampuan," ujar Barjoyai.

Oleh itu, untuk pelanggan lain yang tidak mampu, mereka boleh bertanya dahulu kepada pengusaha makanan jika terdapat '*reserve purchase*' yang boleh digunakan untuk membeli makanan di situ.

"Jika usaha ini dalam diwujudkan, tidak mustahil inisiatif Menu Rahmah dapat diteruskan dalam jangka masa panjang," jelasnya.

Sementara itu, Ketua Ekonomi dan Penyelidikan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Dr. Mohd. Afzanizam Abdul Rashid pula berpendapat jika pelaksanaan Menu Rahmah ini diteruskan dalam jangka masa panjang, dikhuatiri bakal menjejaskan peniaga yang tidak mempunyai pendapatan tetap.

Kata Afzanizam, dia melihat ada peniaga terdiri daripada kelompok yang tidak mempunyai pendapatan yang menentu.

"Jaminan sosial mereka tidak seperti orang yang bekerja makan gaji kerana peniaga terdedah dengan pendapatan yang tidak menentu.

"Bagi saya, untuk melihat inisiatif Menu Rahmah ini diteruskan dalam jangka masa panjang melebihi enam bulan, agak susah sebenarnya kerana kos sentiasa naik. Perkara itu sekali gus akan menjejaskan margin keuntungan peniaga," jelasnya.

Jelasnya lagi, jika inisiatif Menu Rahmah ini diteruskan, dikhuatiri peniaga terpaksa mengecilkan saiz hidangan untuk kekalkan harga murah sehingga menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap pengguna.

"Sudahnya pengguna kena belanja lebih juga untuk 'kenyang'. Jadi saya berpendapat inisiatif ini hanyalah bersifat sementara.

"Untuk pastikan program ini dapat diteruskan dalam jangka masa panjang, pihak berwajib perlu mengambil langkah penyelesaian terbaik kerana sifat harga itu sendiri sangat kompleks.

"Perkara pertama yang perlu dilihat adalah penawaran. Contohnya sektor agro makanan. Jika kita banyak bergantung pada sektor luar (import), kita kena ganti dengan produk sendiri. Misalnya sektor pertanian. Adakah bentuk insentif yang kita ada cukup atau tidak," ujarnya.

| HARI | : | KHAMIS |
|---|---|---|
| TARIKH | : | 23/2/2023 |
| M/SURAT | : | 16 |

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI




NORENA (tengah) pada sidang akhbar Program Pelupusan Eksibit di Krubong, Melaka semalam. – MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

# Guna nama 'Menu Rahmah' laris jualan

**MELAKA** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka mengesan terdapat peniaga di negeri ini yang menjual Menu Rahmah tanpa berdaftar dengan KPDN.

Pengarahnya, Norena Jaafar berkata, para peniaga perlu memahami tujuan inisiatif itu diperkenalkan dan tidak mengambil kesempatan melariskan jualan menggunakan nama Menu Rahmah untuk menarik lebih ramai pelanggan.

Katanya, pemantauan yang dilakukan secara berkala mendapati ada menu yang berharga RM5 sebelum ini tetap dijual pada harga sama.

"Terdapat peniaga terutama di gerai-gerai tepi jalan menjual Menu Rahmah tanpa melalui KPDN, mereka kata itu Menu Rahmah, tetapi apabila diperiksa, memang harga asal RM5.

"Perkara ini tidak boleh berlaku kerana mesti ada perbezaan harga, jika harga sebelum ini RM5, maka mereka boleh jual pada harga RM4.50 atau RM4.80 untuk Menu Rahmah, bukannya menukar menu RM5 tersebut kepada Menu Rahmah," katanya pada sidang akhbar Program Pelupusan Eksibit di Krubong, di sini semalam.

Tambahnya, pihaknya akan memberi advokasi kepada peniaga berkenaan yang berkemungkinan tidak cakna dengan syarat yang ditetapkan.

"Kita akan terangkan Menu Rahmah mesti terdiri daripada serat dan protein atau menu yang dicipta khas dan dijual pada harga RM5 dan ke bawah," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai penyertaan Menu Rahmah di Melaka, ujarnya, sehingga kini sebanyak 23 premis menyediakan menu berkenaan termasuk tiga buah hotel.

"Peniaga yang menjual Menu Rahmah mendapati hasilnya (jualan) sangat baik kerana menu berkenaan adalah sebahagian daripada menu harian mereka.

"Menu biasa masih ada tetapi apabila mereka menjual pada harga RM5, perniagaan mereka semakin lancar," ujarnya.

Harian Metro

HARI : KHAMIS
TARIKH : 23/2/2023
M/SURAT : 20

# KPDN Melaka lupuskan 4,300 kasut, selipar tiruan

**Melaka:** Sebanyak 4,300 pasang kasut termasuk selipar tiruan dimusnahkan serentak susulan rampasan semua barangan cetak rompak itu.

Ia sebahagian barangan rampasan bernilai lebih RM580,000 dilupuskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka.

Pengarahnya, Norena Jaafar berkata, semua barangan rampasan itu diperoleh menerusi 46 kes daripada pelbagai akta yang dihasilkan pihaknya.

"Daripada 46 kes berjaya diselesaikan itu, kami kemudian melupuskan barangan sitaan dengan nilai keseluruhan berjumlah RM587, 065.73 membabitkan pelbagai barangan termasuk pakaian dan kasut.

"Pada hari ini (semalam) pula, 4,300 pasang kasut termasuk selipar tiruan dengan nilai RM85,710 turut dilupuskan selepas tindakan diambil mengikut Akta Cap Dagang 2019," katanya

> *Pada hari ini (semalam) pula, 4,300 pasang kasut termasuk selipar tiruan dengan nilai RM85,710 turut dilupuskan"*
>
> **Norena**

pada Program Pelupusan Eksibit di stor eksibit KPDN Melaka di Krubong, di sini, semalam.

Beliau berkata, pihaknya merampas pelbagai barangan tiruan dengan jumlah dianggarkan RM2,192,954 menerusi operasi penguatkuasaan dijalankan sepanjang tahun lalu.

"Sepanjang tempoh itu, 44 kes berjaya dihasilkan termasuk 16 daripadanya mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 diikuti tujuh kes di bawah Akta Kawalan Harga Dan Antipencatutan 2011 serta dua kes Akta Cap Dagang 2019," katanya.



ANTARA kasut dan selipar tiruan yang dilupuskan oleh KPDN Melaka. - Gambar NSTP/NURALIAWATI SABRI.

Harian Metro

HARI : KHAMIS
TARIKH : 23/2/2023
M/SURAT : 20



HARGA sayuran dinaikkan terlalu tinggi terutama ketika musim hujan.

KENAIKAN HARGA SAYURAN

# Orang tengah 'main' harga

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Harga sayuran yang dijual 'orang tengah' dinaikkan mengikut kos yang dikeluarkan mereka itu.

Namun diakui ada harga yang dinaikkan terlalu tinggi terutamanya ketika musim hujan.

Pekebun sayur yang enggan dikenali berkata, dia jual sayuran berdaun iaitu kangkung, bayam hijau dan bayam merah kepada orang tengah pada harga RM1.50 sekilogram.

Menurutnya, jika diikuti harga itu sebenarnya tidak dapat menampung kos input pertanian yang dikeluarkannya terutama apabila tanaman tidak menjadi dan faktor cuaca seperti hujan atau panas.

"Setakat ini, bekalan masih baik dan tiada masalah. Dalam seminggu saya dapat keluarkan tiga tan sayur yang diambil orang tengah sebelum diagihkan kepada pelanggan mereka.

"Saya tolak RM1.50 sekilogram tiga jenis sayur itu setakat ini, tetapi harga orang tengah untuk peniaga pula berbeza mengikut kos mereka juga," katanya.

Namun katanya, tidak dinafikan orang tengah memainkan peranan dalam isu harga sayuran kerana ada pihak memainkan harga bekalan itu terutama pada musim banjir atau hujan menyebabkan bekalan agak berkurangan.

"Pernah harga dijual mereka lebih RM4 tetapi itu di luar kawalan pekebun. Jika mahu sentuh harga naik atau murah, rugi atau untung pekebun juga paling terkesan sebenarnya.

"Ini kerana kami tanggung semua kos seperti baja dan racun, malah belum termasuk kos jika tanaman tidak menjadi," katanya.

Seorang peniaga sayur wanita berusia 50-an berkata, tidak semua sayuran mahal dan masih ada yang murah serta dijual pada harga lebih rendah dari harga yang ditetapkan.

"Saya juga ambil sayur dari orang tengah dan tidak semua sayuran mahal, seperti hari ini (semalam) bendi, buncis, limau kasturi dan terung agak mahal berbanding beberapa hari lalu.

"Biasanya bekalan sedikit memang harga jadi mahal, jika bekalan sayur banyak harga lebih murah sedikit selain melihat kualiti dan gred sayuran berkenaan," katanya yang berniaga di Pasar Harian Selayang.

Katanya, mereka tiada pilihan mendapatkan bekalan sayuran daripada orang tengah dan mengakui boleh menerima kenaikan harga sayur berdasarkan faktor munasabah, cuma ia tidak sepatutnya terlalu tinggi.

"Hari ini (semalam) bendi dijual RM10, buncis RM16 dan terung juga lebih RM10 untuk sekilogram.

"Limau kasturi paling ketara kerana sebelum ini saya boleh jual RM6 sekilogram tetapi hari ini (semalam) RM10," katanya.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro di Pasar Harian Selayang di sini, semalam mendapati ada beberapa jenis sayuran harganya kekal tinggi, manakala jenis lain masih rendah dan dijual lebih murah.

Berdasarkan perbezaan harga terkini dipaparkan pada laman web Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan tinjauan pasar berkenaan mendapati kenaikan harga membabitkan kacang buncis, terung panjang dan limau kasturi.

TheStar

HARI : KHAMIS
TARIKH : 23/2/2023
M/SURAT : 4

# Chicken and egg question

## Many worry about impact of price float after June

By FATIMAH ZAINAL
fatimah@thestar.com.my

**KUALA LUMPUR:** While industry players have lauded the government's proposal to float the price of eggs and chicken after June, consumer groups are worried about the impact on lower income earners.

Mydin Mohamed Holdings Bhd managing director Datuk Wira Ameer Ali Mydin said floating the price of eggs and chicken would ensure there is enough supply in the market.

"When prices are floated, there will be more supply so automatically prices will drop.

"For the industry and businesses, we are more than happy that the government is listening to our views," he said when contacted.

While the government intends to lift the ceiling price on chicken and eggs after June, Ameer Ali suggested that it can be done as early as May after the first week of Hari Raya Aidilfitri.

"Floating the price starting from May 7 or 15 would be better as most people would have held Hari Raya open houses," he said.

On Tuesday, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the price of chicken and eggs is expected to be floated after June as part of the government's efforts to overcome food shortage.

He also expressed confidence that his ministry would be able to fulfil the demand for chicken and eggs through price floating, adding that even now, there has been enough to meet the market demand.

Ameer Ali, however, said currently, there is not enough supply of chicken and eggs in the market.

He called upon the minister to make surprise visits to hypermarkets and wet markets to check on the supply.

"In my opinion, there is not enough supply at present," he said.

Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia adviser Datuk Jeffrey Ng said they welcome the proposal to float the price of eggs and chicken.

"Price control of both items is not very fair to producers," he said.

However, should the price be floated, Ng said it would need to benefit both consumers and producers.

"We need to make the whole supply chain a healthy scenario to benefit all parties.

"No one should be given advantages, including wholesalers, then only will we have a fair market," he added.

Consumers Association of Penang president Mohideen Abdul Kadeer questioned if the government would be providing direct subsidies for those in the B40 and the lower M40 categories after floating the price.

"Floating the price will impact both groups.

"However, it will be less if the government directs the RM1.8bil savings from subsidies to farmers and those in the B40 and lower M40 groups," he said.

He also said subsidies should directly benefit consumers.

On the timing after June, Mohideen said it would be enough for the government to prepare the groundwork.

Wee: Resolve egg shortage before Ramadan
**See page 9**

BH BeritaHarian

HARI : KHAMIS
TARIKH : 23/2/2023
M/SURAT : 14

# Pelitup muka perlu diperakui SIRIM bermula 1 Julai



## Langkah pastikan produk berkualiti, selamat diguna

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Tarikh kuat kuasa baharu Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan) Pelitup Muka Bukan Perubatan 2022 ialah pada 1 Julai depan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) dalam kenyataan semalam, memaklumkan ia bagi memberi peluang kepada lebih ramai pengeluar dan pengedar di negara ini untuk mendapatkan sijil penandaan daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd.

"Selari dengan perkara ini juga, KPDN akan mengadakan larangan import terhadap pelitup muka bukan perubatan yang tidak mempunyai standard perakuan seperti ditetapkan.

"Kerajaan percaya tempoh sehingga hujung Jun ini mencukupi bagi pengeluar dan pengedar untuk memperoleh standard perakuan pelitup muka bukan perubatan yang dijual dalam negara," katanya.

Sebelum ini, tarikh kuat kuasa berkenaan mulanya ditetapkan 4 Julai tahun lalu, namun ditangguh kepada 1 Januari lalu.

KPDN memaklumkan, sepanjang tempoh penangguhan itu, pihak berkenaan mengambil pendekatan pendidikan yang mana aktiviti penguatkuasaan dan tindakan hukuman tidak dilakukan kepada syarikat atau individu yang mengedar, mengeluar dan menjual pelitup muka bukan perubatan tiada perakuan standard ditetapkan.

### Standard perakuan

Selain itu menerusi kenyataan terbabit, KPDN meminta manamana pihak yang ingin mengedar, mengeluar atau menjual pelitup muka bukan perubatan dalam negara mesti memastikan produk itu mendapat standard perakuan berkaitan.

"Maklumat yang berhubungan dengan standard perakuan pelitup muka bukan perubatan itu mesti disertakan pada kotak atau bungkusan pelitup muka bukan perubatan berkenaan," katanya.

Ujian dan pensijilan SIRIM QAS International bagi pelitup muka bukan perubatan seiring dengan komitmen organisasi itu untuk memastikan produk berkualiti dan selamat kepada pengguna.

Sebelum ini, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Datuk Dr Ahmad Sabirin Arshad, dilaporkan berkata, tanda MS SIRIM melalui ujian dan proses pengauditan teliti yang dijalankan bagi produk dihasil atau dijual di Malaysia bagi menjamin keselamatan seterusnya kualiti untuk memelihara kepentingan pengguna.

SIRIM QAS International menjalankan ujian berdasarkan standard SIRIM 40, CWA 17553, AFNOR SPEC S76-001, MS 2323 atau BS EN 149, untuk mengukur fungsi, kualiti dan keselamatan pelitup muka bukan perubatan.

Ia termasuk menentukan ia mampu melindungi pemakai daripada jangkitan selain selesa dipakai dan mudah bernafas.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : KHAMIS
TARIKH : 23/2/2023
M/SURAT : 22

# Tarikh penandaan pelitup muka sijil Sirim ditangguhkan

**PUTRAJAYA** - Tarikh penguatkuasaan bagi mendapatkan sijil penandaan pelitup muka bukan perubatan daripada Sirim QAS International Sdn Bhd ditangguhkan sekali lagi kepada 1 Julai depan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerusi kenyataan memaklumkan, penangguhan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Pelitup Muka Bukan Perubatan) 2022 itu bagi memberi peluang kepada lebih ramai pengeluar dan pengedar di negara ini untuk mendapatkan sijil penandaan tersebut.

Sebelum ini, perintah itu telah dikuatkuasakan pada 4 Julai tahun lalu.

Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada pengumuman KPDN pada 7 April 2022, tarikh penguatkuasaan perintah ini ditangguhkan sehingga 1 Januari 2023. .

"Dalam tempoh tersebut, KPDN telah mengambil pendekatan pendidikan yang mana aktiviti penguatkuasaan dan tindakan hukuman tidak dilakukan kepada syarikat atau individu yang mengedar, mengeluar dan menjual pelitup muka bukan perubatan yang tidak mempunyai perakuan standard yang ditetapkan," kata kementerian itu.

KPDN berkata, pihaknya akan mengadakan larangan import terhadap pelitup muka bukan perubatan yang tidak mempunyai standard perakuan seperti telah ditetapkan.

TheStar

HARI : KHAMIS
TARIKH : 23/2/2023
M/SURAT : 6

# All face masks must have Sirim approval from July

**PUTRAJAYA:** The government will ban the import of non-medical face masks without the MS Sirim certification and labelling starting July 1.

The Domestic Trade and Cost of Living Ministry said enforcement of the Trade Descriptions (Certification and Marking) of Non-Medical Face Mask Order 2022, which requires manufacturers and importers of non-medical face masks to apply for MS Sirim certification and labelling, begins on that day.

The ministry said the move is meant to enable more manufacturers and traders in the country to obtain the certificate from Sirim QAS International Sdn Bhd.

In view of this, the import of non-medical face masks without the certification and labelling will be banned, Bernama reported.

"The government is of the view that the period until the end of June is sufficient for manufacturers and distributors to obtain the standard certification for non-medical face masks sold in the country," it said in a statement.

The ministry also advised any party intending to distribute, produce or sell non-medical face masks to ensure that the product has obtained the relevant certification.

The ministry had previously set July 4, 2022, to enforce the Trade Descriptions (Certification and Marking of Non-Medical Face Mask) Order 2022, but it was postponed to Jan 1 this year.

Sinar Harian — TELUS & TULUS — sinarharian.com.my

HARI : KHAMIS
TARIKH : 23/2/2023
M/SURAT : 18

# MTA sedia beri kerjasama jaya inisiatif insurans Rahmah



MOHD RADZUAN

**KUALA LUMPUR** - Persatuan Takaful Malaysia (MTA) menyokong dan bersedia bekerjasama dengan kerajaan bagi menjayakan inisiatif insurans mampu milik atau insurans Rahmah untuk golongan belia.

Ketua Pegawai Eksekutif MTA, Mohd Radzuan Mohamed berkata, usaha yang disarankan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub itu disifatkan baik kerana sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban golongan tersebut.

Ujarnya, ia juga sekali gus membuka peluang kepada belia untuk memiliki insurans sendiri memandangkan sebelum ini terdapat segelintir mereka menggelakkan untuk mengambil perlindungan kerana beranggapan mahal termasuk kekangan daripada komitmen.

"Sudah tentu kita menyokong. Industri takaful menyambut baik usaha kerajaan untuk memperluaskan inisiatif Rahmah kepada sektor takaful. Kami bersedia untuk bekerjasama demi memastikan Takaful Rahmah dapat direalisasikan sebagai satu nilai dalam menyokong usaha ke arah kesejahteraan rakyat. Ini berdasarkan pengalaman pihak industri dalam menguruskan inisiatif perlindungan Tenang dan MySalam sebelum ini.

"Jumlah sumbangan atau caruman sebanyak RM50 hingga RM75 ini dilihat sebagai satu jumlah realistik di mana perlindungan ini memberi manfaat yang bermakna kepada penerima. Pihak industri masih mengkaji ciri-ciri produk yang bersesuaian dengan keperluan segmen sasaran.

"Bagaimanapun kita hargai usaha kerajaan kepada belia serta individu yang layak khususnya pendapatan rendah ini. Jika boleh kita berhasrat kerajaan juga dapat melihat M40 yang terjejas daripada pandemik Covid-19," katanya ketika ditemu bual di pejabat MTA di Menara Takaful Malaysia di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai pertimbangan kerajaan khususnya Menteri KPDN untuk melaksanakan perlindungan Rahmah dengan memperluaskan inisiatif itu kepada sektor perbankan dan insurans.

Bagaimanapun, tambah Mohd Radzuan, kerajaan diharapkan dapat mempertimbangkan untuk bekerjasama dengan pihak MTA.

"Kami juga cadangkan untuk memastikan penerima Takaful Rahmah mengetahui sepenuhnya tentang pelan takaful yang telah mereka sertai, kerajaan tidak beri subsidi sepenuhnya tetapi perlu disumbangkan sedikit oleh penerima. Ini adalah untuk memberikan rasa nilai perlindungan yang mereka sertai.

"Jadi, daripada pengalaman kami, perlindungan diberi secara percuma ini tanpa penyertaan atau sumbangan daripada peserta berkemungkinan besar tidak dihargai.

"Ini perkara yang asasnya kita nak ubah dan kalau boleh kita nak kerajaan dapat memberikan subsidi daripada jumlah (insurans Rahmah) itu manakala penerima mungkin akan mengeluarkan sedikit untuk mereka sedar mengenai insurans yang diambil," katanya.

Sinar Harian
TELUS & TULUS
sinarharian.com.my

HARI : KHAMIS
TARIKH : 23/2/2023
M/SURAT : 8

# Debaran kemuncak BISA malam ini

## Lebih 30 pemenang terdiri daripada usahawan tempatan bakal diumumkan

Oleh NUR IFTITAH ROZLAN
SHAH ALAM

Lebih 30 pemenang Bisnes *Sinar Harian* Awards (BISA) yang terdiri daripada usahawan tempatan bakal diumumkan pada malam gala penganugerahan di DoubleTree by Hilton Shah Alam i-City malam ini.

Ketua Pemasaran dan Penjenamaan Grup Sinar Karangkraf, Nik Justin Nik Mohd Ariffin berkata, proses pemilihan pemenang mengambil masa hampir setahun untuk mengumpul, menganalisis, berbincang dan memilih calon yang sesuai.

Paling penting ujarnya, pemenang merupakan usahawan yang telah berjaya membuktikan kemampuan mereka untuk berkembang serta bertahan dalam perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Dalam masa sama, golongan ini turut menyumbang kepada komuniti mereka di samping membantu memampankan ekonomi negara.

"Ini termasuk membantu dari segi menyediakan peluang pekerjaan dan memperkenalkan inovasi baharu," katanya kepada



NIK JUSTIN

*Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau mengakui teruja dan berbangga dengan sambutan menggalakkan yang diterima daripada pemain industri tempatan.

